

Abdul Aziz tukar kerjaya kerana minat

Kongsi pengalaman urus banduan akhir



Oleh MASZUREEN HADZMAN
pengaraang@utusan.com.my

BERTUGAS dalam sektor perladangan selama lapan bulan belum cukup memberi kepuasan buat Datuk Abdul Aziz Abdul Razak sehingga beliau membuat keputusan memilih kerjaya sebagai anggota pasukan beruniform pada tahun 1990.

Sejak tarikh tersebut, anak kelahiran Ipoh, Perak itu tidak menoleh ke belakang lagi malah berbangga dan bersyukur kerana cita-cita untuk menyarung uniform akhirnya tercapai.

Walaupun berpeluang untuk berada dalam bidang perladangan, namun Abdul Aziz masih mencari-cari sesuatu yang lebih mencabar sekali gus menyumbang bakti terhadap masyarakat.

Malah keputusan untuk beralih-bidang kerjaya itu dibuat dengan mudah kerana minat yang mendalam untuk berkhidmat bersama pasukan beruniform sejak beliau berada di universiti lagi.

Di samping minat mendalam, dicampur dengan semangat serta disiplin kuat yang diterapkan oleh kedua-dua orang tuanya mendorong beliau memohon memasuki Jabatan Penjara Malaysia.

Selama bertugas di Jabatan Penjara, Abdul Aziz pernah menjawat jawatan sebagai Timbalan Pengguna Penjara, Penolong Pengarah sebelum dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Penjara di Penjara Bentong pada 14 Februari 2011 sehingga kini.



ABDUL AZIZ ketika menerima darjah kebesaran negeri Pahang, Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) oleh Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah.



ABDUL AZIZ bersama rakan setugas ketika menjalani latihan Asas Timbalan Pengguna di Mactab Penjara Kajang pada 1990.

Tidak terhenti di situ, lebih membanggakan jasa dan sumbangan Abdul Aziz sepanjang berkhidmat di Jabatan Penjara Bentong diberi penghargaan, apabila beliau dianugerahkan darjah kebesaran negeri Pahang iaitu Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah pada tahun 2013 yang membawa gelaran Datuk.

Menceritakan tentang pengalaman menyertai Jabatan Penjara pada 1990, beliau telah menjalani latihan di Mactab Penjara Malaysia di Kajang, Selangor selama tujuh bulan sebelum memulakan tugas di

Penjara Pudu pada tahun 1991.

Bunyinya agak menggerunkan, lebih-lebih lagi Penjara Pudu merupakan penjara besar di tengah ibu kota yang menempatkan banduan pelbagai kesalahan daripada kes-kes kecil sehinggalah berprofil tinggi.

Apatah lagi setiap detik pegawai penjara terpaksa berhadapan dengan pelbagai kerentahan banduan yang mempunyai pelbagai sejarah ‘kehebatan’ tersendiri yang mungkin boleh membahayakan mereka.

Namun hakikat sebenar di sebalik tembok penjara adalah sebaliknya. Biar seganas mana pun banduan yang menjadi penghuni penjara, langsung tidak mematahkan semangatnya memikul tanggungjawab dengan penuh berdedikasi.

Tegasnya, sebagai petugas, mereka perlu bersedia menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan apabila berhadapan dengan ‘penghuni’ penjara.


“Setiap pegawai dan anggota penjara perlu cekal serta kuat semangat dalam menghadapi apa juga kemungkinan termasuklah berdepan dengan banduan yang agak kasar dan ganas,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Sepanjang bertugas selama 25 tahun bersama Jabatan Penjara sudah pasti terpalit memori yang tidak dapat dilupakan bagi bapa kepada tiga cahaya mata itu.

Memori paling diingati adalah apabila perlu menguruskan banduan-banduan akhir yang dijatuhi



ABDUL AZIZ bersama rakan setugas selepas tamat perbarisan Hari Kualiti Jabatan Penjara di Penjara Pudu pada 1993.



ABDUL AZIZ bersama rakan sejawatnya di Penjara Pudu.



PENGARAH Penjara Bentong, Datuk Abdul Aziz Abdul Razak ketika ditemui di pejabatnya baru-baru ini.

Telah mendirikan rumah tangga selama 23 tahun bersama Datin Rosnani Mohamed, 49 dan dikurniakan tiga cahaya mata.

Karier beliau bermula di Penjara Pudu, Kuala Lumpur dengan memegang jawatan Timbalan Pengusaha Penjara Gred 41.

wira



ABDUL AZIZ bersama pasukan perintis Lembaga Parol Kementerian Dalam Negeri ketika menjalani latihan di Sydney Australia.



ABDUL AZIZ mengambil kesempatan mencuba kelengkapan keselamatan semasa membuat lawatan di Penjara Basel, Switzerland.

hukuman gantung. Ini kerana tugas berkaitan pelaksanaan hukuman mati adalah sesuatu yang amat berat bagi pegawai penjara.

Katanya, sebaik sahaja tiga bulan melaporkan diri di Penjara Pudu, beliau diberi tugas untuk menyaksikan sendiri bagaimana hukuman tersebut dijalankan.

“Sebagai orang baharu, sudah pasti perasaan gentar ada dalam diri ini. Bagaimanapun, tugasan tersebut perlu dilaksanakan dengan rasa tanggungjawab.

“Walaupun, beban tugas itu betul-betul mengejutkan saya tetapi setelah dikenang kembali, pengalaman yang saya peroleh ketika itu amat menyeronokkan,” ujarnya.

Menyentuh perihal keadaan banduan akhir sebelum ke bilik gantung, Abdul Aziz memberitahu pesalah akan ditunaikan semua kehendaknya yang munasabah, sebelum hukuman dilaksanakan.

“Masih segar dalam ingatan saya, ketika menguruskan banduan yang akan menerima hukuman gantung kerana mengedarkan dadah.

“Antara permintaan terakhir yang cukup membuatkan saya terharu ialah apabila pesalah tersebut memohon

untuk melafazkan azan terakhirnya sebelum hukuman dilaksanakan. Perkara itu benar-benar menyentuh hati saya sehingga kini,” jelasnya.



DATUK ABDUL RAZAK bersama isterinya Datin Rosnani Mohamed dan tiga cahaya matanya.

Info

- Selepas Penjara Pudu ditutup secara rasmi pada tahun 1996, beliau telah ditukarkan ke Penjara Sungai Buloh, Selangor yang mana merupakan penjara pertama dilengkapi Sistem Keselamatan Elektronik Bersepadu (SKEB).
- Pada tahun 1999, beliau telah bertukar ke Ibu Pejabat Penjara Malaysia sebagai Ketua Seksyen Logistik.
- Memiliki Ijazah Sarjana Muda (Resource Economics) di Universiti Putra Malaysia pada tahun 1989 dan Ijazah Undang-undang (LLB) di Universiti Teknologi Mara pada tahun 2002.
- Pada Tahun 2002, beliau pernah bertugas di luar negara membantu negara Timur Leste bagi menggubal undang-undang dan Peraturan Penjara ketika negara tersebut baharu mencapai kemerdekaan.
- Terlibat menghadiri beberapa kursus, seminar, seisi perbincangan pakar di luar negara seperti Australia, Jepun, Korea, Jerman, United Kingdom dan rantau Asia Tenggara dalam pelbagai bidang Koreksional.
- Antara penyumbang tenaga dan idea bagi perlaksanaan Sistem Parol di Malaysia.
- Pada Tahun 2007 beliau terlibat dalam pasukan kajian, melalui lawatan ke pelbagai negara iaitu di England, Kanada dan New South Wales Australia.
- Beliau dinaikkan pangkat ke Gred 52 dan dilantik sebagai Ahli Lembaga Parol tahun 2007 selama dua tahun sebelum menjadi Pengarah Akademi Koreksional Malaysia di Langkawi pada tahun 2009.
- Pada tahun 2010, beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Sastera (Kerja Sosial) di Universiti Utara Malaysia (UUM) dan menamatkan pengajian pada tahun 2013.

Menceritakan pengalamannya lagi, Abdul Aziz memberitahu, beliau turut diberi peluang mengendalikan banduan melibatkan kes berprofil tinggi seperti Juraimi dan Afendi yang merupakan suami dan rakan subahat Mona Fandey.

Jelas Abdul Aziz, Juraimi dan Afendi merupakan antara banduan yang pernah menjadi tanggungjawabnya dan beberapa pegawai penjara Pudu yang lain ketika itu.

Kecoh pada ketika itu mengatakan bahawa mereka diletakkan dalam sel khas kerana didakwa mengamalkan ilmu hitam.

“Sebaliknya, dia sama sahaja seperti banduan lain, tiada keistimewaan diberikan. Dia diletakkan dalam sel berseorongan di mana setiap sel hanya seorang menjadi penghunianya.

“Cuma ketika itu, aktiviti riadah yang dijalankan setiap pagi dan petang tidak akan dijalankan bersama banduan lain berikutnya sebagai banduan akhir. Pergerakan mereka juga amat terhad dan dikawal ketat.

“Pada saya, sejauh mana pun kebenaran ilmu yang diperkatakan orang tentang mereka, dia tidak pernah sekalipun terlepas (melarikan diri) dari penjara seperti dakwaan beberapa pihak dahulu,” singkap Abdul Aziz tanpa selindung.

Menceritakan lebih lanjut mengenai pengalamannya di Penjara Pudu, Abdul Aziz memberitahu beliau turut pernah terlibat menjadi Komander pemindahan 1,800 banduan dari Penjara Pudu ke Penjara Sungai Buloh pada 1996.

“Sewaktu itu, proses pemindahan yang bermula 12 tengah malam hingga 6 pagi memerlukan kawalan ketat memandangkan semua banduan menaiki bas,” katanya.

Tambah Abdul Aziz lagi, beliau juga berasa beruntung kerana menjadi antara perintis dalam memulakan sistem baharu kepenjaraan di Penjara Sungai Buloh yang menggunakan elektronik sepenuhnya.

“Di sini cabaran baharu bermula namun saya tetap berjaya menguruskannya dengan baik,” jelasnya yang ketika itu merupakan Timbalan Pengarah Penjara Sungai Buloh.

Bidang beruniform latih diri berdisiplin

BIDANG beruniform sememangnya merupakan sesuatu yang mencabar bagi melahirkan anggota yang berdisiplin.

Tidak kira apa juar bidang yang diceburi sekalipun, disiplin merupakan aspek penting yang perlu diberi keutamaan.

Walaupun kita masih belum bekerja dan dalam proses pembelajaran sama ada di peringkat sekolah maupun pengajian tinggi, aspek disiplin menjadi teras utama yang perlu dipatuhi.

“Penerapan disiplin dalam diri adalah perkara penting yang perlu disemai dalam diri bermula dari kecil lagi.

Demikianlah prinsip yang dipegang Pengarah Penjara Bentong, Timbalan Komisioner Penjara, Datuk Abdul Aziz Abdul Razak.

Menurutnya, sememangnya bidang beruniform benar-benar melatih dan menjadikan dirinya menjadi seorang yang berdisiplin.

Ini kerana, katanya, melalui penerapan dan pengajaran nilai disiplin yang tinggi akan memastikan seseorang itu melatih diri mematuhi arahan diberikan.

Menyentuh mengenai aktiviti yang dijalankan di penjara Bentong, beliau memberitahu, pihak penjara menyediakan pelbagai aktiviti berkaitan dengan latihan kemahiran kepada banduan-banduan. Antaranya bengkel kerajinan tangan seperti tenun Pahang Diraja, kimpalan, simen, menjahit, ukiran kayu dan bercucuk tanam.

“Dengan adanya aktiviti-aktiviti ini secara tidak langsung dapat mengisi masa lapang mereka dengan lebih berfaedah. Selain itu, aktiviti ini juga dapat memberi kemahiran kepada para banduan sebagai persediaan sebelum mereka kembali kepada masyarakat,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Setakat ini, katanya, Penjara Bentong menempatkan hampir 1,900 penghuni yang sedang menjalani hukuman atas pelbagai kesalahan besar dan kecil sejak tahun lalu.

“Di sini juga, pihak penjara mengadakan kelas agama dengan tenaga pengajar yang berpengalaman dan terlatih bagi banduan yang beragama Islam. Manakala yang bukan beragama Islam turut dibenarkan menyertai aktiviti keagamaan mereka,” ujarnya.